

Kebencian punca penistiwa Sauk: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

BH

20 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peristiwa rompakan senjata di pos dan kem tentera di Grik yang diikuti pembunuhan dua tebusan, berpunca daripada tindakan pihak tertentu memburukkan kerajaan tidak menegakkan syiar Islam.

Perdana Menteri berkata, politik kebencian itu sudah dimulakan pihak terbabit sejak berpuluh tahun lalu hingga menyebabkan ada kumpulan rakyat yang begitu bencikan kerajaan dan sanggup bertindak ganas.

“Ia berpunca dengan tuduhan bahawa kerajaan tidak Islam maka untuk mendapat sokongan bagi pihak-pihak tertentu, mereka memulakan kempen membenci kerajaan kononnya tidak Islam.

peluru dari pos dan kem tentera di Grik.

Kumpulan itu dianggotai ahli Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma’uanah Malaysia (Al-Ma’uanah) kemudian bersembunyi di Bukit Jenalek, Sauk, dan membunuh dua daripada empat tebusan sebelum menyerah diri kepada pihak berkuasa lima hari kemudian.

Perdana Menteri berkata, pihak yang menghasut itu juga bertindak menggagalkan usaha kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dengan membawa ajaran yang menimbulkan kebencian kepada kerajaan supaya hasrat mereka tercapai.

Katanya, pegawai kerajaan dihasut bahawa kerajaan yang mereka sertai tidak Islam kerana dikatakan tidak melaksanakan

kumpulan di Malaysia ini yang benci kepada kerajaan sehingga tidak mahu mendengar apa-apa penjelasan, hanya berasa benci.

“Walaupun apa pun keterangan yang kita buat mereka tolak kerana ini adalah Firaun, ini adalah Mahazalim dan sebagainya, benci saja. Kita tunjuk apa pun mereka sudah tidak terima,” katanya.

Ditanya tindakan kerajaan bagi menangani masalah itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus menerangkan kepada rakyat perkara yang sebenar, walaupun tidak mungkin semua yang terpengaruh akan berjaya diyakinkan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mendekati golongan yang dipengaruhi sejak dari mula lagi, termasuk pada peringkat tadika.

“Kita perlu kepada pe-

“Mereka memupuk perasaan kebencian dan kemarahan ini sejak 20 atau 30 tahun lalu. Dalam jangka masa itu, sudah ada orang yang betul-betul berasa benci yang meluapluap kepada kerajaan.

“Akibat kebencian yang dipupuk sekian lama terhadap kerajaan ini, mereka sudah sampai kepada tahap sehingga sanggup membunuh dan mengam-bil tindakan untuk mengguling kerajaan secara kekerasan,” katanya dalam Wawancara Khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan serentak menerusi semua saluran televisyen tempatan.

Wawancara selama sejam itu dipengerusikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, Datuk Dr Firdaus Abdullah. Ahli panel lain ialah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Khalid Mohd dan Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3, Chamil Wariya.

Dalam kejadian awal pagi 2 Julai itu, sekumpulan 15 penjenayah yang menyamar pegawai dan anggota tentera melarikan lebih 100 senjata api pelbagai jenis dan beribu-ribu

hukum Islam, terutama hukum hudud.

“Kalau kita menerapkan nilai-nilai ini, nescaya kita akan menjadi satu kumpulan atau satu umat yang baik. Mereka ini mempunyai hasrat lain, kalau semua orang menjadi baik, maka mereka tidak akan dapat menjayakan hasrat mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata, politik kebencian itu sudah menjadi satu masalah yang besar kepada negara kerana ada sebilangan rakyat yang sudah terpengaruh sehingga tidak mahu langsung menerima penjelasan kerajaan.

Beliau berkata, walaupun pada mulanya hanya segelintir rakyat yang terpengaruh tetapi hasutan itu dilakukan secara berterusan termasuk di institusi pendidikan bermula pada peringkat taman dikanak-kanak (Tadika) hingga ke universiti.

Katanya, keadaan ini sama dengan apa yang berlaku ketika zaman Jahiliyah apabila kabilah Arab berperang sesama sendiri akibat kebencian yang diajar oleh generasi terdahulu, bukan kerana sebab yang nyata.

“Kita sudah sampai kepada tahap itu iaitu ada

nerangan yang bertalutalu. Mungkin kita tidak dapat menawan fikiran semua, tetapi mungkin ada sebilangan yang akan menerima penjelasan.

“Kita akan dekati diri dengan mereka dan bercajakap dengan mereka daripada awal lagi, mungkin pada peringkat sekolah, bahkan kalau tadika digunakan untuk membencikan kerajaan maka kita akan bertindak terhadap orang yang mengurus tadika itu. Kita akan cuba kenal pasti cara-cara yang boleh digunakan,” katanya.

Ditanya iktibar daripada peristiwa itu, Dr Mahathir berkata keburukan akan berlaku dengan menyebarkan firnah, menimbulkan perasaan benci, marah kepada kerajaan.

“Kita sudah tahu dan kita sudah sebut berkali-kali. Sekarang ini ia sudah berlaku iaitu ada orang yang terpengaruh dengan perasaan ini sehingga dia sanggup membunuh, menyetek orang.

“Justeru, pengajaran yang kita dapati ialah kita tidak boleh benarkan sesuatu itu diteruskan, sedangkan kita tahu ia akan membawa keburukan,” katanya.